

10/10/1999

Mahathir lancar Minggu Sukaan Bermotor

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi melancarkan Minggu Sukan Bermotor di Dataran Merdeka, sebagai satu usaha mempromosi perlumbaan Formula Satu Grand Prix Malaysia Petronas pada 15 hingga 17 Oktober ini.

Sebelum itu, Dr Mahathir mengetuai perarakan menaiki kereta antik dari Menara Berkembar Petronas di KLCC dan tiba di Dataran Merdeka pada jam 9 malam, untuk upacara pelancaran.

Beliau berpeluang menaiki kereta Formula Satu dan diberikan penerangan ringkas oleh pemandu utama pasukan Sauber Petronas, Jean Alesi. Kereta berkenaan dibawa ke pentas pelancaran oleh pemandu kedua pasukan berkenaan, Pedro Diniz.

Pelbagai aktiviti dirancang sempena Minggu Sukan Bermotor seperti Kejohanan Go Kart, Pameran Sukan Bermotor Antarabangsa, kereta antik dan pertunjukan tatoo oleh Angkatan Tentera Malaysia.

Turut hadir, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin; Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Mahamad Zabri Min yang juga Pengerusi Pengelola Minggu Sukan Bermotor; Pengerusi Malaysia Airports Berhad (MAB), Tan Sri Basir Ismail dan Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Sementara itu, Muhyiddin berkata Minggu Sukan yang bermula pada 2 hingga 23 Oktober ini dapat menarik minat sukan permotoran di kalangan rakyat negara ini di samping mempromosikan Grand Prix Malaysia Petronas yang akan bermula 15 Oktober ini.

(END)